

13 JUN 2002

Rais-Switzerland (Bergambar)

BPR MUDAH SIASAT SIMPANAN WANG HARAM DI SWITZERLAND

KUCHING, 13 Jun (Bernama) -- Persetujuan Switzerland untuk memberi kerjasama kepada Malaysia menyiasat simpanan wang haram di negara itu akan memudahkan siasatan oleh Badan Pencegah Rasuah (BPR), kata Menteri Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Rais Yatim.

Katanya, persetujuan itu juga akan membantu menghapuskan kegiatan memindah wang melalui negara itu serta pelaburan yang menggunakan wang haram.

"Ini satu vista baru kerjasama antarabangsa memerangi jenayah rasuah di semua peringkat terutama yang melibatkan rasuah besar yang merentasi sempadan antarabangsa," katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan pegawai kanan Bahagian Hal Ehwal Undang-undang Jabatan Perdana Menteri di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas persetujuan Switzerland Isnin lepas untuk memberi kerjasama kepada Malaysia dalam siasatan penyelewengan di Perwaja dan aktiviti melibatkan wang yang disimpan atau dipindahkan melalui negara itu.

Persetujuan itu dicapai dalam perbincangan antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Switzerland Caspar Villiger semasa Perdana Menteri melawat negara itu awal minggu ini.

"Saya berharap BPR selepas ini berasa lapang sedikit untuk menjalankan tugasnya dan gunakan kemudahan penyiasatan seperti yang diumumkan," katanya.

Sementara itu, mengenai kekurangan hakim Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak, Dr Rais berkata perkara itu sedang diteliti dan Ketua Hakim Negara memang bercadang menambah bilangan hakim.

Katanya, Sabah dan Sarawak masing-masing memerlukan tambahan dua hakim Mahkamah Tinggi kerana terdapat pertambahan bilangan kes yang perlu diselesaikan di kedua-dua buah negeri.

"Sekarang Ketua Hakim Negara sedang meneliti mengenai pelantikan Pesuruhjaya Kehakiman dan hakim-hakim yang baru dan sebaik sahaja proses ini selesai, kita akan tengok pula permohonan untuk menambah hakim di Sabah dan Sarawak," katanya.

Pelantikan hakim bukan satu perkara yang mudah tetapi memerlukan penelitian dan pengisian jawatan secara cermat, tambahnya.

-- BERNAMA

MT MT MOZ